

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

SOALAN NO. 102

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar lepasan STPM yang membuat permohonan ke IPTA, bilangan pelajar lepasan STPM yang diberikan tawaran masuk ke IPTA dan bilangan pelajar lepasan STPM yang ditawarkan dengan pilihan pertama mereka dari tahun 1990 ke 2018, mengikut pecahan setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas kemasukan ke Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon.

Kejayaan calon untuk memperoleh tempat juga bergantung kepada susunan merit dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA selain kecemerlangan dalam ujian khas dan proses temu duga yang dilaksanakan di IPTA bagi program pengajian yang memerlukan kompetensi bagi memastikan IPTA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan

NO. SOALAN: 102

memenuhi keperluan program pengajian berkaitan. Strategi dan kebijaksanaan calon dalam membuat pemilihan program pengajian dan institusi dalam borang permohonan UPUOnline juga memainkan peranan dalam menentukan kejayaan walaupun pencapaian akademik di tahap sederhana berbanding pelajar cemerlang.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyelaras sebanyak 36,660 permohonan (purata bagi tempoh lima tahun) dari Sidang Akademik 2014/2015 sehingga Sidang Akademik 2018/2019 bagi kemasukan ke peringkat Ijazah Pertama. Purata penawaran adalah tertakluk kepada bilangan tempat yang disediakan oleh Universiti. Purata penawaran bagi tempoh lima tahun adalah sebanyak 19,302 orang (53 peratus) calon. Dari segi jumlah calon yang ditawarkan tempat pula, didapati 4,301 orang (12 peratus) calon ditawarkan program pengajian di pilihan pertama.

Antara faktor kegagalan calon mendapat tempat di IPTA adalah :-

1. Calon tidak memenuhi syarat khas kemasukan ke program pengajian yang telah ditetapkan oleh IPTA;
2. Unjuran bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA telah penuh, terutama bagi program pengajian kompetitif seperti perubatan, pergigian , farmasi, perakaunan dan undang-undang;
3. Calon gagal dalam saringan ujian khas atau temuduga; dan
4. Markah akademik atau ko kurikulum yang rendah.

RT09/102